

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 27.09.2024 MASA: 8.45 AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA
BIL.3/2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT
27 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)
08.45 PAGI

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT
MENARA BANDARAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah,kita amat bersyukur dan segala puji-pujian syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada hari ini, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Perhimpunan Korporat Bil.3/2024.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di atas penglibatan semua Ahli-Ahli Majlis MBSP yang hadir; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP dan seluruh warga kerja MBSP yang hadir pada pagi ini.
3. 16 September merupakan tarikh keramat untuk kita memperingati hari bersejarah di mana MPSP telah dinaiktaraf menjadi Bandaraya. Justeru, bagi memeriahkan suasana hari bandaraya tersebut, kita menyajikan pelbagai program-program bersama warga MBSP dan warga Seberang Perai selama sebulan dan pada 28 September 2024 ini merupakan hari kemuncak Sambutan Hari Bandaraya.

4. Saya lihat pelbagai program telah dan akan diadakan sempena Sambutan Hari Bandaraya ini. Hebaham melalui pelbagai medium medsos juga telah dibuat dan saya berharap agar kita sama-sama dapat melibatkan diri dan memberi sokongan ke atas semua penganjuran program yang dibuat.
5. Saya juga ingin maklumkan yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2024 (Selasa), Hari Tanpa Tunai akan dilaksanakan pada setiap hari di Kaunter MBSP Bandar Perda, Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa dan Kaunter MBSP Cawangan Jawi. Semua pelanggan digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan/bayaran melalui transaksi atas talian, kad debit/kredit, TnG ewallet, cek dan kiosk. Sehubungan itu, semua jabatan MBSP diminta untuk memastikan sistem-sistem atas talian sentiasa dipantau supaya dalam keadaan stabil terutama sekali sistem yang melibatkan bayaran.
6. Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa, Butterworth juga telah selesai dinaiktaraf sepenuhnya dan akan beroperasi mulai 01 Oktober 2024. Kaunter berkenaan dilengkapi dengan kemudahan Kaunter Siber untuk kegunaan pelanggan berurusan secara atas talian dan kiosk. Perkhidmatan multiskill seperti pembaharuan lesen perniagaan MBSP, permohonan patil anjing, permohonan stiker letak kenderaan OKU dan pendaftaran invois turut dilaksanakan bagi kemudahan penduduk sekitar. Tahniah dan syabas di ucapkan kepada Jabatan

Khidmat Pengurusan di atas usaha ini bagi memacu Seberang Perai ke arah *Smart City*.

7. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas buat semua Ketua-Ketua Jabatan terlibat terutamanya Ketua Jabatan Krisis, Pengarah Jabatan Lanskap dan Pengarah Jabatan Perbandaran atas usaha membantu menyelesaikan isu pokok tumbang baru-baru ini. Banyak pokok yang tumbang yang telah merosakkan harta benda seperti kereta dan rumah. MBSP telah menerima sebanyak 235 aduan pokok tumbang dan MBSP telah menyelesaikan pembersihan kutipan sisa pokok ini pada 25 September 2024. Terima Kasih juga kepada semua Ahli Majlis yang sentiasa turun padang, prihatin dan memberi makluman dan pemberitahuan kepada Majlis dengan pantas supaya tindakan dapat diambil dengan segera.

8. Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mendapat pengiktirafan daripada *The Malaysia Book Of Records* pada 29 Ogos 2024 sebagai Organisasi Pertama di Malaysia yang mendapat Pensijilan ISO 37301:2021 Sistem Pengurusan Pematuhan (CMS). Di kalangan beberapa agensi daripada pihak swasta, kerajaan dan PBT yang menyertai projek pilot bersama SIRIM pada November 2022, MBSP telah berjaya menjadi organisasi pertama di Malaysia mendapat

pensijilan CMS pada 2023. Harus diingat bahawa pelaksanaan ISO ini bukanlah hanya untuk pensijilan sahaja tetapi sebenarnya sebagai garis panduan untuk membantu MBSP dalam pelaksanaan proses kerja dengan lebih efisyen. Secara tidak langsung, kita akan menambahbaik pelaksanaan tugas kita dari semasa ke semasa untuk menjamin kesinambungan perkhidmatan yang berintegriti, cekap, cemerlang dan berkesan. Ada yang perlu kita ubah dari segi proses kerja sejak berpuluhan tahun melakukan cara yang sama, ada yang baik kita teruskan, tetapi ada yang perlu diubah kita perlu ubah dan suaikan dengan keutamaan dan sebagainya. Pensijilan di MBSP bermula pada tahun 1999 dan sehingga hari ini sudah 25 tahun kita memegang sijil ISO dan saya yakin kita dapat menggilap perkhidmatan kita kepada rakyat dengan lebih cemerlang.

9. Seminar “*Good Governance & Best Practices*” Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Sekretariat Kualiti, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan PESUKA telah dianjurkan pada 12 September 2024 (Khamis) bertempat di Bertam Resort & Waterpark, Kepala Batas, Pulau Pinang. Syabas dan Tahniah kerana kita telah berjaya menerima 75 penyertaan daripada agensi kerajaan merangkumi penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi di bawah Kerajaan Negeri.

10. MBSP telah menerima maklumbalas yang amat memberangsangkan daripada peserta yang hadir pada seminar tersebut. Mereka berpandangan bahawa secara keseluruhan seminar seperti ini harus diadakan lagi pada masa hadapan. Syabas dan tahniah. Diharapkan selepas ini MBSP boleh menganjurkan pula seminar-seminar penyelesaian cabaran-cabaran dihadapi oleh PBT untuk kita mencari solusi terbaik untuk kebaikan semua pihak.

11. Sejak kebelakangan ini kita digempurkan dengan SSPA dan SSM. Saya yakin ramai kakitangan MBSP yang tertanya-tanya dan apakah yang perlu mereka lakukan dan bagaimana untuk memilih di antara dua skim ini. Pihak Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memaklumkan bahawa satu Sesi Libat Urus [SLS] 2024 bagi memberikan penerangan berkenaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam [SSPA] bersama-sama Pengurus Sumber Manusia di semua Agensi dan Jabatan Negeri akan diadakan pada hujung September 2024 atau awal Oktober. Bahagian Pembangunan Sumber Manusia akan mengadakan taklimat untuk semua kakitangan MBSP secara berperingkat bagi memberikan kefahaman tentang SSPA dan SSM. Justeru, tuan-tuan dan puan-puan tidak perlu risau dan tidak perlu mengadakan pelbagai andaian awal.

12. Untuk makluman, berdasarkan data rekod dan statistik kemalangan pekerjaan yang saya lihat semasa Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MBSP, menunjukkan faktor kegagalan pemakaian Alat Lindung Diri (ALD) yang dibekalkan kepada kakitangan masih menjadi faktor utama berlakunya kecederaan anggota badan yang serius disamping lain-lain faktor. Ketua-Ketua Jabatan sila maklumkan kepada semua kakitangan di bawah seliaan tuan-tuan dan puan-puan, tindakan penguatkuasaan berbentuk punitif akan dikenakan kepada mana-mana kakitangan yang tidak mengambil serius perkara ini termasuklah tindakan tatatertib mengikut prosedur sedia ada serta denda / penalti RM5 bagi setiap kesalahan yang akan dilaksanakan bermula 01 Januari 2025.

13. Dalam usaha untuk memperkuuhkan identiti dan hala tuju bandaraya, Prinsip Panduan MBSP diteruskan dengan penggunaan Seberang Perai Bandaraya Untuk Semua. Ini mencerminkan komitmen untuk membina sebuah bandar raya yang inklusif, di mana setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dapat merasai kemajuan dan peluang yang wujud di Seberang Perai.

14. MBSP tidak lagi boleh bekerja dalam *S/I/O Mentality*, bekerja dalam karenah birokrasi yang pelbagai, masih menggunakan pendekatan di tampok lama seperti yang sering diperkatakan oleh Perdana Menteri

kita. Kita sudah perlu melakukan reformasi dalam tugas kita seperti yang sering diwar-warkan oleh Perdana Menteri dan Ketua Setisauaha Negara kita bagi menitikberatkan budaya kerja baharu berasaskan nilai Madani yang mana ia memfokuskan kepada membina masyarakat yang maju dari segi pemikiran , kerohanian serta pembangunan.

15. Segala komen atau pandangan samada daripada Ahli-Ahli Majlis, warga MBSP atau sesiapa sahaja perlu diambil kira dan diberi perhatian. Komen atau pandangan ini bukannya untuk mencari salah jabatan tetapi perlu diambil secara positif bagi memperkemaskan penyampaian perkhidmatan Majlis pada tahap yang lebih berkualiti sesuai dengan pensijilan yang kita ada. Kita jangan melihat siapa yang memberi komen atau pandangan, tapi kita melihat kepada apa yang dikomen dan apa yang boleh diubah. Itu adalah sikap orang yang berjaya. Buang sifat ego dan sompong kerana ia membawa kepada permasalahan hati kita. Hati yang bersih akan membawa kepada persekitaran kerja yang lebih bahagia.

16. Sebagai sebuah agensi kerajaan iaitu Pihak Berkuasa Tempatan yang paling dekat dengan rakyat, kita perlu terus membuat penambahbaikan ke atas perkhidmatan untuk keselesaan penduduk dan rakyat Malaysia dengan meningkatkan kecekapan sistem

penyampaian perkhidmatan ke tahap yang terbaik. Oleh itu, kita jangan jadikan cabaran sebagai satu permasalahan tetapi jadikan cabaran sebagai satu peluang buat kita untuk mencari kaedah-kaedah atau alternatif baru untuk penambahbaikan ke atas proses kerja kita.

17. Saya berharap agar Seberang Perai ini dapat diaspirasikan untuk berkembang sebagai sebuah bandar raya yang mampan dan sentiasa *ready for business*. Pelan komprehensif melalui pelaksanaan program-program atau projek yang memberi impak kepada MBSP perlu difikirkan memandangkan tidak lama lagi tahun 2024 akan meninggalkan kita dan kita dalam proses penyediaan *Corporate Priorities (CP) 2025*. Diharapkan bengkel yang akan diadakan tidak lama lagi bersama Ketua-Ketua Jabatan dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bersama-sama pegawai-pegawai jabatan akan memberikan satu nafas baru untuk CP 2025 kita kali ini. Saya berharap agar jabatan melihat dahulu apa isu-isu dan cabaran jabatan atau membuat Analisis SWOT dahulu sebelum menyediakan satu pelan tindakan jabatan bagi tahun 2025. Saya berharap agar Ketua-Ketua Jabatan melihat projek-projek yang berupa “*Low Hanging Fruits*” yang boleh dibuat dengan cepat dan dengan kos yang kecil kerana projek-projek seperti ini mudah untuk dicapai.

18. Sejajar dengan lafaz ikrar yang disempurnakan oleh Tuan Setuasaha Bandaraya kita bersama kakitangan Majlis sebentar tadi, saya berharap apabila kita sudah berikrar, bermaksud kita sudah ada tekad untuk melaksanakan sesuatu perkara, itu adalah Amanah besar yang perlu kita capai. Saya yakin dengan penglibatan semua Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai MBSP, kita dapat menjadikan Seberang Perai Bandar Untuk Semua.

19. Di kesempatan ini, saya ingin ucapkan Tahniah kepada semua pegawai seramai 30 orang yang akan menerima kenaikan pangkat secara hakiki dan khas untuk penyandang (KUP) sebentar lagi.

20. Saya berharap sempena Bulan Bandaraya ini, marilah kita sama-sama menanam semangat dan kekuatan untuk kita melakukan perubahan selari dengan tuntutan semasa dan kehendak masyarakat zaman kini. Kita perlu mempunyai sikap “Sense Of Belonging” terhadap tugas dan tanggungjawab kita dan sudah tentunya memanfaatkan diri kita dan MBSP dengan memperbaiki prestasi kita dalam segala bidang. Semoga kita semua dalam lindungan dan rahmat Allah SWT dan saya berharap agar kita dapat jadikan MBSP sebuah organisasi yang unggul di mata masyarakat dan sentiasa di hati.

**Sekian, terima kasih. *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***